

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN SEMINAR AL-QURAN ANTARABANGSA KALI KE-5

TEMPAT: PUSAT ISLAM MALAYSIA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 08 JAN 1995

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan ahli keluarga serta sahabat Baginda seluruhnya; dan doa kesejahteraan dipohonkan untuk kita semua serta seluruh muslimin dan muslimat di mana sahaja mereka berada.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di majlis ini dan seterusnya merasmikan Seminar Al-Quran Antarabangsa Kali Yang Ke-5 ini.

3. Al-Quran adalah kitab suci yang menjadi pegangan dan panduan utama kepada umat Islam. Hal ini tidak sedikit pun diragui, malah dipercayai dengan penuh keyakinan. Jika terdapat kesangsian tentang kepercayaan kepada al-Quran walaupun sedikit, maka terjejaslah kedudukan kita sebagai orang Islam yang beriman. Ini adalah kerana percaya kepada kitab suci sebagai salah satu daripada Rukun Iman memerlukan pegangan yang mutlak.

4. Percaya kepada kitab suci al-Quran bukan setakat kita mempercayai bahawa segala isi kandungannya itu kalam Allah, tetapi bersedia mengamalkan segala ajaran yang terkandung dalam wahyu-wahyu tersebut. Pengamalan ini merangkumi aplikasi terhadap urusan individu dan urusan kemasyarakatan atau disebut juga dengan istilah fardu ain dan fardu kifayah.

5. Kita yakin panduan-panduan yang dijelaskan melalui al-Quran memberi jaminan kepada kehidupan yang bahagia dan sejahtera sama ada di dunia atau di akhirat. Dalam hubungan ini, Rasulullah s.a.w. juga telah mengingatkan bahawa jika dalam urusan hidup kita, kita berpegang dan berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah, maka perjalanan hidup kita tidak akan sesat pada bila-bila masa.

6. Kita semua percaya kepada al-Quran dan tidak ingin dengan sengaja engkar akan ajaran al-Quran. Dengan itu semua umat Islam sepatutnya hidup sejahtera dan bahagia, bebas daripada kehinaan, ditindas dan didera oleh mana-mana pihak. Tetapi hakikatnya ialah umat Islam tidak hidup

bahagia dan selamat sejahtera. Sebenarnya umat Islam seramai lebih seribu juta hidup dalam keadaan tertindas dan merana, dipermainkan dan diperalatkan oleh siapa sahaja yang berkepentingan. Apakah ini disebabkan oleh pegangan kepada al-Quran atau kerana umat Islam tidak sebenarnya berpegang kepada ajaran al-Quran?

7. Manusia semuanya mempunyai kelemahan. Dan orang Islam tidak terkecuali. Mereka yang percaya kepada ajaran al-Quran pun ada juga yang tidak mengamalkan ajarannya. Mereka tahu apa yang disuruh mereka lakukan tetapi mereka tidak melakukannya. Justeru itu, mereka tidak mencapai kebahagiaan hidup yang dijanjikan.

8. Tetapi kegagalan umat Islam mencapai kebahagiaan hidup bukanlah disebabkan oleh keengganan mengamal ajaran Islam sahaja. Kebanyakan daripada kegagalan mereka disebabkan oleh salah faham mereka mengenai ajaran al-Quran yang sebenar dan kerana salah faham ini amalan mereka juga turut salah dan mereka tidak dapat mengecap kehidupan yang bahagia dan mulia.

9. Kenapakah salah faham berlaku? Sebabnya ialah walaupun orang yang fasih dalam Bahasa Arab mampu membacanya, tetapi kefahaman mengenai makna dan maksud yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran tidaklah begitu mudah difahami dengan membaca sendiri. Justeru itu, biasanya orang Islam yang ingin memahami isi kandungan al-Quran terpaksa bergantung kepada tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh pentafsir-pentafsir yang diiktiraf. Dalam usaha menjelaskan isi kandungan al-Quran seperti yang difahami olehnya, pentafsir terpaksa menggunakan bahasanya sendiri dan menambah kepada ayat-ayat al-Quran bagi menjelaskan makna dan maksud ayat-ayat berkenaan. Sudah tentu bagi orang Islam yang tidak memahami Bahasa Arab, mereka hanya boleh membaca terjemahan daripada tafsiran yang dibuat dalam Bahasa Arab, atau terjemahan ke dalam bahasanya secara langsung daripada al-Quran. Dengan itu bukanlah isi kandungan al-Quran yang diterima sebagai ajaran al-Quran tetapi tafsiran dan terjemahan tafsiran yang dibuat oleh pentafsir atau penterjemah.

10. Jika kefahaman pentafsir atau penterjemah salah, maka kefahaman mereka yang mengikutinya juga akan salah. Jika tepat, tentulah mereka yang mengikutinya akan dapat maksud ayat al-Quran secara tepat. Tetapi kita tahu terdapat perbezaan antara pentafsir-pentafsir yang berlainan. Kadang-kadang perbezaan ini tidak ketara dan tidak banyak mengubah maksud ayat al-Quran. Tetapi ada masanya perbezaan ini begitu ketara sehingga umat Islam yang berimam dengan pentafsir yang membuat tafsiran-tafsiran dan terjemahannya ini berpecah kepada mazhab-mazhab yang bertentangan. Agama Islam yang diwahyukan kepada Rasulullah hanyalah satu sahaja tetapi hari ini terdapat beberapa kumpulan yang mendakwa diri mereka Islam pada hal amalan dan kepercayaan mereka berbeza dan mereka menolak amalan orang lain yang mendakwa mereka juga Islam. Dengan ini, selain daripada puak Suni

dan Syiah dengan mazhab-mazhab masing-masing wujud puak Alawait dan Druze dan lain-lain. Perbezaan antara puak-puak ini begitu ketara sehingga ada kemungkinan yang puak-puak tertentu sebenarnya tidak Islam. Semua mereka merujuk kepada al-Quran yang satu tetapi tafsiran, dan dengan itu kefahaman serta pegangan mereka bukan lagi satu dan sama. Besar kemungkinan ada pentafsir yang salah dan ajaran mereka menyeleweng. Dalam sejarah Islam hingga ke hari ini perkara ini sering berlaku. Dan baru-baru ini ia berlaku di hadapan mata kita.

11. Apabila umat Islam menerima dan mengikuti tafsiran yang salah dengan kepercayaan bahawa inilah ajaran dan maksud al-Quran yang sebenar, maka sudah tentu mereka tidak akan mencapai kebahagiaan hidup. Lebih daripada itu, mereka mungkin akan gagal dan menderita. Keadaan yang sedih yang menimpa umat Islam sekarang mungkin disebabkan oleh kepercayaan kepada tafsiran yang salah.

12. Perkara ini harus kita ingati sepanjang masa. Apabila kita bertelagah mengenai ajaran Islam, kita harus ingat bahawa pertikaian kita bukanlah berkenaan dengan al-Quran atau ayat-ayat yang terkandung di dalamnya yang tidak pernah salah dan tidak pernah berubah. Yang kita bertelagah atau berbahas ialah tafsiran pentafsir yang, walau bagaimana alim sekalipun, mereka adalah manusia biasa dengan kelemahan-kelemahan yang ada pada manusia. Alangkah ruginya umat Islam jika kita berpegang dengan begitu kuat dan mempertahankan mati-matian bukan ajaran al-Quran tetapi pendapat manusia biasa yang mana sudah tentu pendapat ini tidak setaraf dengan wahyu daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

13. Apakah tidak mungkin yang kemunduran umat Islam disebabkan oleh tafsiran yang salah oleh pentafsir? Yang pasti ialah ia bukan disebabkan oleh al-Quran yang mengajar dan memandu umat Islam. Jika kita akui hakikat ini, maka kita tidak akan bersalah jika kita mengkaji semula dan menolak tafsiran tertentu. Dan kita juga tidak harus berasa terhalang akan saranan bahawa pintu ijtihad sudah ditutup dan kita tidak lagi boleh mengkaji semula tafsiran dan juga isi kandungan al-Quran. Sekatan terhadap ijtihad mungkin akan mengekalkan tafsiran yang salah dan meletakkan tafsiran-tafsiran ini sebagai setaraf dengan wahyu Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam al-Quran, iaitu tidak mungkin cacat dan tidak boleh diubah.

14. Pendapat dan tafsiran al-Quran yang jelas salah tersebar luas dalam alam Islamiah sejak berkurun-kurun. Antaranya ialah ajaran bahawa pelajaran dan pengetahuan yang utama dan penting hanyalah berkenaan dengan agama. Lebih khusus dan mendalam pengetahuan agama ini, lebih baiklah lagi seseorang umat Islam. Ia dipercayai akan mendapat pahala dan ganjaran yang banyak dan tempatnya di akhirat adalah syurga.

15. Tidak ada siapa yang akan menafikan bahawa pengetahuan

agama adalah penting dan baik bagi seseorang individu Islam. Tidak ada siapa yang akan mempertikaikan bahawa seorang yang alim dalam bidang agama dan membuat ibadat yang diwajibkan adalah seorang yang berpegang kuat kepada agama Islam. Bagi orang Islam, orang yang menumpukan sepanjang masa dan bersungguh-sungguh kepada agama daripada segi pengetahuan dan amalan tetap dianggap baik dan mulia dan harus diikuti tanpa soal.

16. Orang yang mempelajari dan mengkhusus dalam bidang agama tetap akan percaya bahawa apa yang dilakukan oleh mereka menepati kehendak agama. Oleh kerana hampir semua daripada pentafsir dan guru agama dan penyebar ajaran Islam terdiri daripada orang yang mengkhusus dalam ilmu keagamaan, maka sudah tentu tekanan mereka adalah kepada mempelajari bidang agama. Bidang-bidang lain tidaklah dianggap penting dan mereka biasanya tidak akan mendesak orang Islam supaya menuntut ilmu-ilmu lain bahkan membuat kerja-kerja lain. Adakalanya mereka memberi pendapat bahawa orang Islam yang bergiat atau terpelajar dalam bidang-bidang lain tidak akan mendapat pahala atau apa-apa ganjaran di akhirat. Mereka ini dianggap sebagai tidak kuat Islam mereka.

17. Dengan tersebarnya pemikiran seperti ini maka majoriti umat Islam tidak begitu berminat untuk mengejar ilmu pengetahuan yang tidak khusus berkenaan dengan agama Islam. Jika hari ini terdapat umat Islam begitu mundur dalam berbagai-bagai ilmu dan kecekapan sehingga tidak dapat memelihara maruah mereka, mempertahankan umat Islam daripada diserang, ditakluk dan dianiaya, tidak dapat mengeksploitasi sendiri kekayaan sumber yang dikurniakan oleh Tuhan kepada negara mereka; jika hari ini umat Islam membuat kerja-kerja yang dilarang oleh Islam, bahkan meninggalkan agama Islam, sebabnya ialah kerana mereka kecewa dengan kelemahan mereka dan rasa terhinanya mereka.

18. Bahawa al-Quran bukan sahaja menekankan pengetahuan ajaran Islam tetapi beratus-ratus perkara lain yang ada kaitan dengan kehidupan dan kebahagiaan umat, tidak diberi tumpuan oleh ramai pentafsir dan ulama. Sebenarnya mereka telah memilih hanya sebahagian kecil sahaja daripada ajaran al-Quran. Walaupun kita disuruh dalam al-Quran melihat ciptaan Tuhan seperti langit dan bumi, awan dan hujan, tanah yang subur, bukit-bukau dan haiwan, kita tafsirkan ayat-ayat ini sebagai bukti kebesaran Tuhan sahaja. Jika kita betul-betul perhatikan semua ini secara mendalam, iaitu kita kaji secara ilmiah, kita bukan sahaja akan lebih kagum dengan ciptaan Tuhan tetapi kita akan memperolehi banyak ilmu yang boleh menolong kehidupan kita. Sudah tentu pertanian akan lebih maju dan kebuluran yang lebih terdapat di negara-negara Islam akan dapat dihindarkan.

19. Demikian juga kita disuruh menyediakan kuda dan pedang untuk pertahanan ummah. Tetapi kita tidak hiraukan soal keselamatan ummah. Jika kita betul-betul menerima ajaran al-Quran tentulah kita akan mempelajari berbagai-bagai ilmu yang akan membolehkan kita mencipta dan mengeluarkan

berbagai-bagai alat pertahanan moden untuk menyelamatkan umat Islam daripada nasib malang yang menimpa mereka seperti di Bosnia, di Nagorno Karabakh, Chechnya dan di negara-negara lain.

20. Ini adalah hanya dua daripada ajaran al-Quran yang kita tidak mengambil berat. Ada ratusan lagi ajaran yang boleh menjayakan kita tanpa menjejaskan kedudukan kita di akhirat yang juga kita tidak memberi perhatian secara serius.

21. Apabila orang Islam menjadi mundur dan tertindas di dunia, ada pihak yang mendakwa bahawa memang inilah kehendak agama Islam, iaitu orang Islam akan menderita di dunia sementara menunggu kebahagiaan di akhirat. Justeru itu, terima sahajalah segala kesengsaraan, penderitaan dan kehinaan di dunia. Ini adalah sementara. Akhirat adalah kekal dan dengan itu orang Islam akan berbahagia selama-lamanya.

22. Selagi kefahaman ini diterima dan disebar selama itulah orang Islam tidak akan membuat apa-apa untuk memperbaiki kehidupan mereka dan agama Islam di dunia. Mereka akan menerima bahawa kemunduran mereka adalah suatu kebahagiaan, kerana ia mengingatkan mereka akan akhirat dan kedudukan mereka yang lebih baik di akhirat. Jika orang Islam ditindas, ditakluk dan dipisahkan daripada agama Islam, itu tidak mengapa. Jika orang Islam kecewa dengan nasib mereka sehingga menolak agama Islam itu juga tidak mengapa. Tunggu sahajalah, kita telah dijanjikan syurga di akhirat. Mereka tidak sedikit pun berasa ganjil dengan doa mereka sepanjang masa supaya diberi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ini hanyalah lafaz di mulut.

23. Semua ini mungkin kerana kita salah faham dan kita memilih-milih ajaran al-Quran dengan menumpukan hanya kepada beberapa ayat sahaja. Walaupun kita tidak akan mengakui bahawa kita menolak atau memperkecilkan sebahagian yang besar daripada ajaran al-Quran tetapi pada hakikatnya inilah yang dilakukan oleh kita. Dan dengan itu umat Islam tidak mencapai kebahagiaan di dunia. Sama ada kita akan mendapat kebahagiaan di akhirat pun belum tentu. Balasan di akhirat bukan hanya kerana ibadat yang kita kerjakan untuk diri kita sahaja, iaitu fardu ain, tetapi juga ibadat bagi masyarakat, iaitu fardu kifayah. Jika kita benar-benar berpegang kepada ajaran al-Quran, kita mesti tunaikan kedua-dua fardu ain dan fardu kifayah. Insya-Allah akan sempurnalah orang Islam, akan bahagialah mereka, akan tertebuslah maruah umat dan agama Islam.

24. Saya harap Seminar al-Quran Antarabangsa Yang Ke-5 ini akan membincangkan al-Quran dengan hati yang terbuka dan dengan berani untuk mencari panduan dan jawapan kepada masalah-masalah dan soal-soal yang menghadapi masyarakat Islam hari ini. Mudah-mudahan akan berhasillah usaha ini.

25. Dengan ini, saya dengan lafaz `Bismillahirrahmanirrahim' dengan sukacitanya merasmikan

Seminar Al-Quran Antarabangsa Kali Yang Ke-5 ini.
Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.